



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT)** di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

#### A. JAWATAN AKADEMIK

UiTM KAMPUS SEGAMAT	FAKULTI	BIDANG	JADUAL GAJI	
			SARJANA MUDA	SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH
	FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT	PENGURUSAN REKOD	RM 2,300.00	RM 2,800.00

## JAWATAN AKADEMIK

### 1. PENSYARAH UiTM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Syarat Kelayakan
    - i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf.
    - ii. Calon-calon mestilah memiliki kelayakan CGPA 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi di peringkat Sarjana Muda bagi semua bidang.
    - iii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti.
    - iv. Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
    - v. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik.
    - vi. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana).
    - vii. Calon yang sedang mengikuti program sarjana tidak boleh dipertimbangkan walaupun telah memiliki Ijazah Sarjana Muda.
    - viii. Mempunyai rekod peribadi yang baik. Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan.
    - ix. Mempunyai pengalaman mengajar merupakan satu kelebihan.

### CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Borang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Johor di [johor.uitm.edu.my/index.php/fasiliti/iklan](http://johor.uitm.edu.my/index.php/fasiliti/iklan) atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat.
- c. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **disahkan**:
  - Kad Pengenalan
  - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, PhD (Skrol & Transkrip Akademik terperinci)
  - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- d. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- e. Pemohon-pemohon mestilah sedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat.
- f. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya**.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 November 2022 (Rabu)**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR  
KAMPUS SEGAMAT  
JALAN UNIVERSITI OFF KM.12 JALAN MUAR  
85000 SEGAMAT  
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**No Tel : +(607)-935 2273 / 2486 / 2020**